



JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

KENYATAAN MEDIA

YBHG. DATO' JAMIL BIN RAKON TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JABATAN PERDANA MENTERI YANG BAHARU

5 Julai 2021 – Tahniah dan selamat datang YBhg. Dato' Jamil bin Rakon sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang baharu berkuatkuasa pada 5 Julai 2021.

YBhg. Dato' Jamil bin Rakon, 59 tahun sebelum ini bertugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia berpengalaman dalam perkhidmatan awam selama 29 tahun dengan menjawat jawatan pertama sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pertahanan pada 1 Disember 1992.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pengurusan dari *Australian Defence Force Academy, Canberra* berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan organisasi. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri mengalu-alukan kedatangan YBhg. Dato' Jamil bin Rakon sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang ke-16. Semoga kehadiran YBhg. Dato' Jamil bin Rakon dapat meningkatkan lagi kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri berdasarkan pengalaman luas beliau dalam perkhidmatan awam.

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
5 JULAI 2021**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-88723434